

PRU Wealth Enrich 2.0

Membina *legasi kasih sayang* anda



Membawakan ketenangan minda abadi,

Anda Inspirasi Kami

PERLINDUNGAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") KE ATAS MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM

Sejak langkah pertama hingga mereka dewasa, misi anda adalah untuk memberikan yang terbaik kepada orang yang anda sayangi. **PRU**Wealth Enrich 2.0 membantu anda memaksimumkan perlindungan mereka, membina kekayaan dan menjamin legasi yang kekal melampaui hayat anda.

Legasi Yang Melindungi dan Berkembang di Setiap Fasa Kehidupan

Dengan **PRU**Wealth Enrich 2.0, perlindungan kekal menjadi asas dalam setiap peringkat perjalanan keluarga anda, daripada membina kekayaan hingga mewariskan nilai kepada generasi seterusnya.

Melindungi Impian

Lindungi perkara yang paling penting sambil membina masa depan anda.

Sama ada rumah, perniagaan, atau kehidupan yang anda impikan, **PRU**Wealth Enrich 2.0 menawarkan jaminan untuk orang kesayangan sambil membantu anda mencapai impian.

Membina Keluarga

Pastikan keluarga kesayangan anda sentiasa dilindungi ketika anda melalui fasa awal berkeluarga.

PRUWealth Enrich 2.0 memastikan perlindungan untuk orang kesayangan berterusan walaupun anda tiada di sisi, menyokong kehidupan yang sedang anda bina sambil mengembangkan kekayaan untuk masa depan.

Meninggalkan Legasi

Lindungi kasih sayang dan nilai anda untuk generasi akan datang.

PRUWealth Enrich 2.0 memastikan legasi anda berterusan melepasi hayat anda, serta mencipta peluang untuk orang yang anda kasihi.



Nikmati Perlindungan Komprehensif, Ganjaran Menarik dan Penjagaan Berkekalan, Kesemuanya dalam Satu Pelan



Perlindungan Lebih Tinggi dengan Cover Booster

Masa depan keluarga anda terjamin dengan Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA) yang tinggi untuk kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ dan nikmati perlindungan tambahan sehingga 50%² melalui **Cover Booster**³.



Perlindungan Tambahan Sehingga 500% untuk Kematian Akibat Kemalangan

Nikmati ketenangan minda dengan **perlindungan tambahan sehingga 500%** jika berlaku kematian akibat kemalangan¹.



Wariskan Legasi Anda dengan Sepenuh Hati

Pilih bagaimana orang kesayangan anda menerima manfaat kematian dengan **Legacy Settlement Option**, memastikan keteguhan kewangan mereka berterusan dengan lancar.



Pelbagai Ganjaran Kesetiaan Sepanjang Perjalanan Anda

Kekal komited dan nikmati ganjaran dengan **Loyalty Bonus**³ dan **Loyalty Booster**³, meningkatkan nilai polisi anda sehingga 30% daripada BSA dalam manfaat keseluruhan.



Perlindungan Tambahan dengan Rider Total Multi Crisis Care

Lindungi impian keluarga anda walaupun penyakit kritikal melanda, dengan **perlindungan sehingga 160 jenis penyakit kritikal** di semua peringkat, dan tuntutan berulang sehingga 400% daripada jumlah rider yang diinsuranskan.

Tertakluk pada terma dan syarat.


¹Sebelum Ulang Tahun Polisi pada Umur Hari Jadi yang Akan Datang (ANB) 71 tahun atau tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.

²Perlindungan tambahan adalah sehingga 30% untuk BSA di bawah RM2 juta; dan sehingga 50% untuk BSA RM2 juta ke atas.

³Jumlah yang dibayar adalah berdasarkan BSA terkini.

Perlindungan Tambahan Sehingga 500% untuk Kematian Akibat Kemalangan

Pastikan keluarga anda mendapat sokongan sewajarnya ketika berdepan kehilangan yang tidak dijangka. **Terima perlindungan tambahan dengan Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA) tambahan bagi kematian akibat mana-mana kemalangan yang dilindungi seperti berikut.**



Kematian akibat kemalangan

Kematian berlaku

- Semasa menggunakan sebarang kenderaan awam yang digerakkan secara mekanik dan gerabak lif; atau
- Disebabkan kebakaran di dalam bangunan awam seperti pawagam atau hotel

Kematian berlaku semasa menetap atau mengembara di luar Malaysia*

*Tidak melebihi 90 hari berturut-turut kecuali Singapura atau Brunei.

Kematian berlaku semasa menaiki penerbangan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pesawat komersial

Kematian akibat bencana alam



Bentuk Legasi Anda untuk Orang Kesayangan

Dengan **Legacy Settlement Option**, anda menentukan sama ada manfaat dibayar dalam jumlah sekaligus, ansuran berkala atau pembayaran mengikut peristiwa penting.

Wariskan Legasi Anda dengan 3 Pilihan Fleksibel



Sekaligus Serta-Merta

Pembayaran segera jumlah amaun yang diperuntukkan



Ansuran Berstruktur

Pembayaran bulanan atau tahunan berkala sehingga 35 tahun



Mengikut Peristiwa Penting

Pembayaran akan dibuat apabila penama mencapai peristiwa penting tertentu dalam hidup

Peristiwa Penting Menjadi Kenangan

Anda boleh menyertakan pesanan yang menyentuh hati pada setiap peristiwa penting yang dicapai oleh orang kesayangan, menjadikan setiap pembayaran sebagai saat untuk diraikan dan mengeratkan hubungan.

Tamat pengajian di universiti atau kolej

"Saya amat bangga dengan kejayaanmu."



Perkahwinan

"Semoga saling menghormati, berkasih sayang dan membina kehidupan bersama."



Menimang cahaya mata

"Kamu akan menjadi ibu bapa yang hebat."



Memiliki hartanah

"Inilah ruang impianmu. Tahniah!"



Memulakan perniagaan

"Melangkah dengan berani. Impian anda berbaloi untuk dikejar."



Mencapai umur tertentu

"Selamat hari jadi, kasih sayangku sentiasa bersamamu!"



Kad Emas

Sediakan dana untuk memastikan orang kesayangan sentiasa terjaga dalam apa jua keadaan.

"Saya sentiasa di sisi kamu dalam setiap suka dan duka."

Tertakluk pada terma dan syarat.

Nota:

1. Pemilik polisi boleh memilih tempoh pembayaran akhir antara 5 hingga 35 tahun, selepas itu baki jumlah legasi bersama sebarang faedah terkumpul akan dibayar sekaligus pada akhir tempoh pembayaran.
2. Pencapaian hidup tertakluk kepada perubahan. Sila rujuk Borang Amanah & Penamaan terkini untuk senarai paling terkini.

Perlindungan Tambahan dengan Rider Total Multi Crisis Care

Penyakit kritikal boleh menyerang pada bila-bila masa, menjejaskan kesihatan dan pendapatan anda. **Total Multi Crisis Care** menyediakan pembayaran sekaligus apabila didiagnosis, supaya anda dapat menumpukan perhatian kepada pemulihan dan melindungi kestabilan kewangan keluarga anda.

Bagaimana Total Multi Crisis Care Membantu Anda

Melindungi Kos Sara Hidup Penting

Membayar perbelanjaan harian dan komitmen kewangan anda semasa proses pemulihan.

Melindungi Matlamat Hidup Anda

Anda boleh terus menyimpan untuk persaraan, pendidikan anak dan pencapaian masa depan anda.



Dapatkan Rawatan & Penjagaan Lanjutan

Tampung kos rawatan, terapi, pemulihan dan sokongan penjaga di luar had pelan perubatan anda.

Kekalkan Perlindungan Anda

Perlindungan pelan asas anda kekal utuh walaupun selepas pembayaran dibuat.



Sentiasa Selangkah ke Hadapan dengan Total Multi Crisis Care



Berdiri Teguh Menentang 160 Jenis Penyakit

Nikmati perlindungan komprehensif terhadap 160 penyakit kritikal, meliputi tahap awal, tahap akhir, serta keadaan khas.



Bangkit Semula Apabila Penyakit Kritikal Berulang

Tuntutan berulang dibenarkan untuk serangan jantung, strok, dan kanser.



Tidak Kira Tahap Awal atau Akhir, Perlindungan Tetap Terjamin

Perlindungan sehingga 400% bagi pelbagai tahap penyakit kritikal.



Nikmati Manfaat Khas Perlindungan

Dapatkan pembayaran sekali gus untuk komplikasi diabetes atau penggantian sendi utama tanpa mengurangkan perlindungan utama anda.

**Lindungi orang kesayangan anda dan bina legasi yang berkekalan dengan PRUWealth Enrich 2.0.
Hubungi Perancang Kewangan Prudential kami hari ini atau layari www.prudential.com.my untuk maklumat lanjut.**

Nota Penting & Penafian

- PRUWealth Enrich 2.0 adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“PAMB”) 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Pembelian insurans hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas tentang produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk PRUWealth Enrich 2.0, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi serta merujuk terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan selepas tarikh polisi dihantar kepada anda bagi membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya) tambah dengan premium yang tidak dilaburkan, caj (seperti caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemrosesan dan apa-apa caj lain yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak, tolak perbelanjaan perubatan (jika ada) yang mungkin telah kami bayar atau bersetuju untuk bayar.
- Produk ini didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum rider, mana-mana yang lebih awal. Anda boleh memohon untuk membatalkan ciri Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan yang akan mengakibatkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi yang asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- Andaikan seorang lelaki, berumur 40 tahun yang baru sahaja menyambut hari jadinya semalam, bukan perokok, kelas pekerjaan 1, membeli polisi PRUWealth Enrich 2.0 dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM1,000,000, tempoh pembayaran premium 20 tahun dan tempoh polisi sehingga Umur Hari Jadi yang Akan Datang (ANB) 80 tahun dengan perlanjutan automatik, 100% dana urus dengan bayaran premium bulanan melalui kad kredit, maka anggaran jumlah premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jumlah premium yang perlu dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga ANB 80	Bagi meningkatkan kemampunan polisi anda sehingga umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM626.00 sebulan dari umur 40 selama 20 tahun.	<p>Tokokan Premium Berkala tambahan sebanyak RM1,185.00 sebulan adalah disyorkan dari umur 40 tahun selama 20 tahun.</p> <p>Jumlah premium yang perlu dibayar: RM1,811.00 sebulan dari umur 40 tahun selama 20 tahun.</p>	<p>Tokokan Premium Berkala tambahan sebanyak RM7,361.00 sebulan adalah disyorkan dari umur 80 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p>Jumlah premium yang perlu dibayar: RM626.00 sebulan dari umur 40 tahun selama 20 tahun. RM7,987.00 sebulan dari umur 80 tahun sehingga umur 99 tahun.</p>

Nota:

1. Premium tidak dijamin dan boleh berubah pada masa akan datang bergantung pada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat polisi dan caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang disyorkan yang dikemas kini setiap tahun bagi meningkatkan kemampunan polisi sehingga tempoh lanjutan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk menokok premium anda dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kemampunan polisi anda. Kami akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan sekiranya sebarang premium tambahan diperlukan dalam tempoh lanjutan.
2. Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin dikehendaki meningkatkan jumlah diinsuranskan bagi rider payor disebabkan kenaikan premium (tidak termasuk sebarang kenaikan premium sementara) bagi menampung tempoh lanjutan (tertakluk kepada pengunderaitan) atau sebarang semakan semula pada caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan premium perlu dinaikkan, anda mungkin dikehendaki membayar amaun premium tambahan yang tidak ditampung oleh syarikat bagi meningkatkan kemampunan polisi anda.
3. Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
4. Sila rujuk kepada Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat lanjut.

- PRUWealth Enrich 2.0 dan ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Anda boleh menyerahkan polisi pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat balik kurang daripada amaun yang telah anda bayar. Apabila diserahkan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah pelan ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan umur dicapai kecuali dinyatakan.
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketakkonsistenan antara versi bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Cina risalah ini, versi bahasa Inggeris risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTIMANA UNIT AMANAH.